

NO. SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]

TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan untuk menyiasat secara terperinci kerugian berpuluh billion ringgit di Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan FELDA serta mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap skandal ini dalam masa lima tahun ini, demi kepentingan 100,000 peneroka FELDA.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi isu FELDA dan FGV memandangkan belum ada keperluan berbuat demikian buat masa ini dan tindakan perlu telah diambil bagi menangani isu-isu yang berbangkit.

Sekian. Terima kasih.